

# **BAB 2**

## **KAJIAN LEPAS**

### **YANG BERKAITAN**

## BAB 2

### KAJIAN LEPAS YANG BERKAITAN

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi maklumat serba ringkas tentang sejarah Askar Wataniah sejak penubuhannya pada tahun 1854 sehinggalah sekarang. Bab ini juga meliputi definisi 'kemampuan' dan menerangkan dengan jelas perbezaan antara anggota sukarela dan anggota kerahan. Disamping itu juga bab ini menerangkan tentang dasar, peranan, kekuatan dan keaktifan Askar Wataniah. Di akhir bab ini akan membentangkan hasil laporan kajian yang lepas, cadangan konsep rangkakerja serta usul kajian yang akan dilaksanakan.

#### 2.2 Sejarah Askar Wataniah

Sejarah penubuhan Angkatan Sukarela atau Askar Wataniah(AW) Malaysia, bermula dengan tertubuhnya '*Singapore Volunteer Corps*' (SVC) Negeri-negeri Selat pada tahun 1854. Diikuti dengan penubuhan '*Penang Volunteers*', disusuli oleh penubuhan '*Malay States Volunteer Rifles*' (MSVR) pada tahun 1861 dan '*Straits Settlements and Volunteer Forces*' (SSVF) pada tahun 1921. Pasukan-pasukan dan anggota sukarela ini turut terlibat secara langsung semasa peperangan menentang pencerobohan Jepun ke Malaya dan Singapura pada tahun 1941, yang mengakibatkan seramai 39 anggota sukarela terkorban (Ahmad Fawzi, 1998).

Setelah tamatnya Perang Dunia Ke Dua pada tahun 1945, dianggarkan terdapat lebih 1,000 anggota sukarela yang meneruskan perkhidmatan dengan menyertai pasukan Kawalan Kampung ('*Home Guard*') yang ditubuhkan pada tahun 1948. '*Home Guard*' ditubuhkan bertujuan untuk menghadapi era Darurat Malaya Pertama bagi menentang Pengganas Komunis (PGK) dan apabila

keadaan keselamatan mulai reda, pasukan ini dibubarkan pada tahun 1958 (Ahmad Fawzi, 1998).

Disebabkan terdapat ramai anak-anak Melayu yang ingin menaburkan bakti mereka sebagai anggota sukarela, pada tahun 1958 kerajaan telah mengambil keputusan untuk menyusun semula Angkatan Sukarela dengan tertubuhnya AW pada tanggal 1 Jun 1958. Penubuhan AW membolehkan penggubalan dan penguatkuasaan undang-undang 'Teritorial Army (TA) Ordinance' 1958, 'Terms of Service Regulations' 1959, dan 'Pay and Allowances Rules' 1959. Kerajaan telah menetapkan antara lain tujuan penubuhan AW adalah seperti berikut (Ahmad Fawzi, 1998):

Melatih belia-belie di negara ini dengan latihan ketenteraan sepenuhnya supaya menjadi anggota simpanan tentera yang bersedia membantu pasukan keselamatan untuk mempertahankan negara apabila keadaan memerlukan.

Melatih belia-belie menghayati tata tertib ketenteraan di dalam kehidupan seharian supaya mempunyai tata tertib diri yang tinggi.

Meneruskan sumbangan khidmat bekas-bekas sukarelawan dan menanamkan semangat sedia berkorban untuk negara serta menyemaikan semangat cintakan tanah air.

Memandangkan sumbangan dan sambutan yang amat menggalakkan yang diberikan oleh belia-belie dan bekas-bekas Sukarelawan '*Home Guard*', Askar Wataniah disusun semula bagi meningkatkan keanggotaannya pada tahun 1963. Kerahan tenaga sepenuh masa untuk berkhidmat telah diisytiharkan bagi membantu Angkatan Tetap untuk menjaga keselamatan Sasaran Penting (SP) atau '*Key Points*' di seluruh negara. Di antara pasukan-pasukan yang ditubuhkan ialah terdiri daripada empat buah pasukan infantri iaitu 11, 12, 13 dan 14

'Malaysian Territorial Army' (MTA). Diikuti dengan penubuhan sebanyak 12 buah Pasukan Pertahanan Tempatan (LDC) pada tahun 1968 (Ahmad Fawzi, 1998).

Penyusunan semula AW terus dilaksanakan dengan penubuhan Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD) pada tahun 1980. Diikuti dengan penubuhan Markas 51 Briged PSTD pada 1 Jan 1981 dan Markas 11 Divisyen PSTD pada 19 Feb 1981. Seterusnya diikuti dengan penubuhan 12 buah Rejimen Siri 500 PSTD, 11 buah Batalion Infantri Siri 100, lapan buah Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) universiti atau Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pasukan/unit pakar Semboyan, Jurutera serta Perubatan. Perubahan demi perubahan dilaksanakan terhadap AW untuk mengemaskini dan memantapkan pengurusan sumber manusia berpandukan kepada Dasar Pertahanan Negara (DPN) serta keperluan ATM mengikut keperluan semasa (Bab 13, Manual Askar Wataniah, 2004).

### 2.3 Definasi Kemampuan

Perkataan 'kemampuan' secara amnya didefinisikan sebagai kuasa untuk membuat sesuatu bagi mencapai matlamat yang telah digariskan. Sama ada mampu atau tidak mampu sesuatu matlamat, ianya terletak keatas cara kita mengimplimentasikan peraturan, polisi dan garis panduan yang telah ditetapkan. Bersesuaian dengan tajuk kajian ini Kemampuan Askar Wataniah Menambah Besar ('Augment') Angkatan Tetap yang mana bermaksud dengan kemampuan Askar Wataniah yang sedia ada dapat membantu menambah kekuatan Angkatan Tetap bagi menghadapi sebarang kemungkinan jika diperlukan semasa peperangan atau kecemasan. Maksud mampu dari segi kekuatan adalah 1:3 iaitu nisbah 1 Anggota Tetap bersamaan dengan 3 anggota Askar Wataniah (Kassim, 1989).

#### 2.4 **Anggota Sukarela**

Anggota ini adalah orang awam yang memasuki Askar Wataniah dengan cara sukarela (Manual AW, 2004). Mereka ini dilatih dan dimasukkan dalam kekuatan pasukan siri 500 Askar Wataniah yang terdapat diseluruh negara. Jumlah terkini pasukan siri 500 Askar Wataniah yang terdapat adalah sebanyak 16 buah yang memberi perkhidmatan diseluruh negara seperti di **Kembaran A**.

#### 2.5 **Anggota Kerahan**

Anggota Askar Wataniah ini adalah terdiri dari anggota sukarela yang telah dikerahkan untuk tugas sepenuh masa bagi membantu pasukan tetap dalam menjaga keselamatan disempadan utara negara (Manual AW, 2004). Mereka ini dikerahkan dalam pasukan Askar Wataniah siri 300 seperti di **Kembaran A**.

#### 2.6 **Dasar Dan Polisi Semasa**

**Keanggotaan.** Anggota Askar Wataniah tertakluk di bawah 'Regulations' 20 (1) dan 40 'Terms of Service' 1958. Anggota yang memasuki perkhidmatan ini adalah terdiri dari orang awam (warganegara Malaysia) yang berumur tidak kurang 18 tahun. Mereka yang menyertai Askar Wataniah ini mestilah dengan sukarela tanpa ada paksaan daripada mana-mana pihak. Keanggotaan atau keahlian dikategorikan seperti berikut:

**Individu Sukarela.** Terdiri dari anggota sukarela yang menyertai Askar Wataniah secara sukarela dengan mengikuti latihan-latihan yang dilaksanakan oleh Rejimen Siri 500. Anggota ini seterusnya mengisi perjawatan anggota sukarela di rejimen tersebut.

**Individu Kerahan Sepenuh Masa.** Anggota dibawah kategori ini adalah terdiri daripada anggota sukarela yang memilih untuk dikerah sepenuh masa untuk mengisi perjawatan di Batalion siri 300 dan Sasaran Penting (SP).

**Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES).** Mereka ini adalah pelajar daripada universiti atau IPTA yang telah dipilih untuk menjadi anggota PALAPES. Anggota ini menjalani latihan selama 3 tahun dan ditauliahkan ke dalam Kor Askar Wataniah dengan menyandang pangkat Lt Muda. Apabila tamat pengajian mereka ini akan dimasukkan kedalam kekuatan pasukan Rejimen siri 500 untuk latihan selanjutnya.

## 2.7 **Dasar Pertahanan Negara**

Konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) telah diadakan bagi menentukan pertahanan Negara berada ditahap yang lebih kukuh dan mantap. Dengan adanya Dasar Pertahanan Negara ini maka semua pihak memainkan peranan dalam mempertahankan negara disamping menjadikan sebagai sebahagian daripada aktiviti masyarakat. Rancangan HANRUH ini melibatkan empat komponen utama seperti berikut (Ahmad Fawzi, 1998):

Angkatan Tetap (Regular Armed Forces).

Angkatan Kerangka iaitu kumpulan rakyat yang dilatih dan boleh dikerah bersiap-siaga bagi tujuan mempertingkatkan kekuatan angkatan tetap, ini termasuklah pasukan simpanan Angkatan Tentera.

Bantuan nasional termasuk pengembelian sumber negara untuk pertahanan negara seperti sumber material, perkhidmatan pengangkutan dan organisasi pertahanan awam.

Bantuan luar negara khususnya ASEAN dan negara sahabat FPDA.

Dasar Pertahanan Negara menetapkan dalam era teknologi moden dimana HANRUH adalah menentukan kesiapsiagaan seluruh warganegara sama ada pihak tentera atau awam dalam mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara. Usaha ini meliputi aspek infrastruktur, ketenteraan dan juga pembentukan bantuan material, perkhidmatan pengangkutan dan tenaga manusia.

Bagi melaksanakan HANRUH ini maka satu konsep umum Angkatan Simpanan telah dirumuskan sesuai dengan keperluan Dasar Pertahanan Negara. Dalam Dasar Pertahanan Negara, objektif Askar Wataniah adalah untuk menyediakan satu Angkatan Simpanan Sukarela yang boleh diatur gerak dan berupaya untuk menjalankan tugas operasi dalam masa yang paling singkat tanpa banyak gangguan terhadap ekonomi dan penghidupan sosial negara. Keberkesanan AW sebagai sebahagian dari komponen Angkatan Simpanan adalah amat penting bagi mengukur keupayaan menyeluruh ATM dalam memelihara keselamatan dan kepentingan negara (Kassim, 1989).

## 2.8 Dasar Keanggotaan Askar Wataniah

Pada dasarnya Askar Wataniah telah ditubuhkan di bawah 'The Territorial Army Ordinance' 1958. Setelah Akta AT 1972 dikuatkuasakan pada 1 Jun 1976, semua Angkatan Sukarela yang diwujudkan sekarang (termasuk AW) adalah disifatkan sebagai telah ditubuhkan di bawah Akta AT 1972, mengikut peruntukan Seksyen 217 (1) (a) Akta tersebut. Walau bagaimanapun, berpandukan Seksyen 217 (2) Akta AT 1972, semua kaedah dan peruntukan ('Rules and Regulations') yang dibuat di bawah enakmen dan ordinan sebelumnya adalah masih berkuatkuasa sehingga kaedah dan peraturan yang baru dikeluarkan. Kebanyakan perkara tertentu yang berkaitan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan syarat-syarat yang berkaitan dengan gaji, elaun,

faedah-faedah tamat perkhidmatan serta pembayaran/pemberian pampasan masih lagi tertakluk kepada kaedah dan peraturan berikut:

'The Territorial Army (Terms of Service) Regulations', 1958.

'The Territorial Army (Pay and Allowances) Rules, 1959 amended where applicable by The Territorial Army (Pay and Allowances) (Amendment) Rules' 1961, 1965 and 1967.

'The Volunteer Force (Compensation) Rules, 1955 dan The Malay Regiment and Federation Regiment (Retired Pay, Pensions, Gratuities and Other Grants) Regulations, 1952 Part I, V dan VI'.

**Pentauliahan Pegawai Sukarela.** Semua permohonan pentauliahan bagi pegawai Sukarela perlu memenuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam 'The Territorial Army (Terms of Service) Regulations', 1958 dan juga arahan-arahan berasingan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Syarat-syarat tersebut adalah seperti di **Kembaran B**.

**Perkhidmatan Lain-lain Pangkat Sukarela.** Syarat-syarat dan perihal perkhidmatan untuk anggota lain-lain pangkat AW masih lagi tertakluk kepada kaedah dan peraturan-peraturan yang terkandung di dalam 'The Territorial Army (Terms of Service) Regulation' 1958. Diantara syarat-syarat kemasukan anggota sukarela adalah seperti di **Kembaran C**.

## 2.9 **Peranan Dan Tugas Askar Wataniah**

**Peranan.** Konsep Pasukan Simpanan Tentera Darat antara lain, menggariskan bahawa AW mempunyai misi yang sama dengan Angkatan Tetap. Walau bagaimanapun peranan AW lebih merupakan sebahagian daripada tugas membantu Angkatan Tetap dalam menghadapi sesuatu ancaman. Secara umum peranan AW adalah seperti berikut (Ahmad Fawzi, 1998):



Untuk membantu-ganti atau menambah-besarkan ('Augment') Angkatan Tetap, supaya bersama-sama dengannya, dapat mengadakan paras kekuatan yang diperlukan untuk mempertahankan kepentingan strategik negara ketika darurat atau perang.

Membantu Angkatan Tetap dalam operasi keselamatan dalam negeri dan bersedia untuk demobilisasi dan diaturgerakkan bila keadaan memerlukan.

Membantu dan bekerjasama dengan pihak berkuasa awam semasa bencana alam dan waktu kecemasan.

Mempertahankan kawasan belakang dan jalur-jalur komunikasi semasa darurat atau perang.

**Tugas dan Tanggungjawab.** Di samping itu tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh Askar Wataniah adalah seperti berikut (Ahmad Fawzi, 1998):

Bersedia untuk diaturgerakkan dan mengambil alih tanggungjawab pasukan Angkatan Tetap, apabila pasukan Angkatan Tetap ditugaskan untuk melaksanakan misi-misi tertentu.

Membantu pertahanan tempatan di sesuatu sektor.

Mengadakan pertahanan (termasuk Pertahanan Udara Aras Rendah) kepada sasaran dan instalasi penting dan kawasan-kawasan penentuan ('critical points/zones').

Mengadakan tenaga pengganti kepada Angkatan Tetap.

Melaksanakan kegiatan pengkhianatan.

Bertindak sebagai agensi perisikan.

Menggendali dan menyelenggarakan perkhidmatan penting ('essential service') bila dikehendaki.

Melindungi dan menyelenggarakan Jaluran Komunikasi ('L of C').

## 2.10 Kekuatan Askar Wataniah

Kekuatan Askar Wataniah adalah menjadi suatu perkara yang penting dalam menentukan samada ianya boleh membantu dan menambahbesar pasukan Angkatan Tetap. Jumlah kekuatan sebenar Askar Wataniah yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perjawatan, Majlis Angkatan Tentera (Fed(M)) adalah seramai 3,119 Pegawai dan 65,361 Lain-lain Pangkat. Kekuatan anggota ini adalah untuk memenuhi perjawatan pasukan-pasukan Askar Wataniah yang sedia ada di dalam Tentera Darat Malaysia. Penyata kekuatan Askar Wataniah adalah seperti di Jadual 2.1. Kekuatan ini diperolehi daripada Bahagian Pasukan Simpanan, Markas Tentera Darat yang berakhir pada bulan April tahun 2004 (Sumber BPS, 2004). Pada keseluruhannya tahap kekuatan Askar Wataniah adalah sederhana berbanding dengan perjawatan yang perlu dipenuhi.

**JADUAL 2.1 : PENYATA KEKUATAN BERAKHIR APRIL 2004**


Bil	Perkara	Perjawatan	Pegangan	Kekurangan	Catatan
1.	Pegawai	3119	3304	-	Lebihan 185
2.	Lain-lain pangkat	65361	37917	35394	
	Jumlah	68480	41221	35209	

Sumber: *Bahagian Pasukan Simpanan, Jabatanarah Askar Wataniah, Markas Tentera Darat, April 2004.*

## 2.11 Peratus Aktif Dan Tidak Aktif

Keseluruhannya didapati peratusan ketidakaktifan mereka adalah tinggi dan begitu ketara sekali. Peratusan anggota aktif dikira daripada kekerapan mereka yang hadir didalam latihan/aktiviti yang dijalankan oleh pasukan masing-masing. Graf 1.1 dibawah menunjukkan perbandingan jumlah kekuatan pegangan dan bilangan anggota yang aktif dalam tahun 2002 dan 2003. Statistik ini diperolehi daripada Bahagian Pasukan Simpanan, Jabatanarah Askar Wataniah, Markas Tentera Darat. Statistik ini menunjukkan pada tahun 2002 kekuatan Askar Wataniah adalah seramai 20,768 orang dan daripada jumlah tersebut anggota yang aktif cuma seramai 12,272 (59%) dan pada tahun 2003 kekuatan anggota sukarela adalah seramai 25,525 orang dan daripada jumlah tersebut anggota yang aktif cuma seramai 15,450 (61%). Ini menunjukkan peratusan anggota yang aktif adalah ditahap yang rendah berbanding dengan kekuatan sebenar yang sedia ada.

**GRAF 1.1 : PERBANDINGAN KEKUATAN ANGGOTA YANG AKTIF PADA TAHUN 2002 DAN 2003**



Sumber: *Bahagian Pasukan Simpanan, Jabatanarah Askar Wataniah, Markas Tentera Darat, April 2004.*

### 2.12 Laporan Kajian Lepas

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam hasil kajian yang lepas (Romainor,2003: muka surat 54) menunjukkan permasalahan yang timbul dalam mendapatkan anggota baru dan aktif adalah seperti berikut:

Kebanyakan anggota sukarela adalah terdiri dari anggota bujang, ini jelas diperhatikan dimana peratus anggota bujang adalah 75% dan anggota kahwin 25.5%. Ini adalah kerana kebanyakan anggota telah menamatkan perkhidmatan apabila mereka berkahwin. Kajian mendapati mereka yang kahwin menghabiskan masa bersama keluarga daripada berkhidmat dengan Askar Wataniah.

Kerjasama daripada majikan adalah perkara yang penting bagi menggalakan anggota aktif dan memasuki Askar Wataniah. Kebanyakan maklumat daripada responden menunjukkan kurang galakan daripada majikan disebabkan komitmen dalam tugas yang lebih diutamakan oleh sesebuah syarikat.

Promosi Askar Wataniah juga perlu diberi penekanan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya melibatkan diri dalam perkhidmatan Askar Wataniah. Penyelidikan yang lepas mendapati promosi hanyalah melibatkan 59% pada keseluruhannya bagi mendapatkan anggota baru. Kesedaran perlu ditanamkan keatas setiap warga negara betapa pentingnya keselamatan yang mana "Keselamatan Negara Tanggongjawab Bersama"(Romainor,2003).

Dalam satu kajian lagi (Ahmad Fawzi , 1996: mukasurat 81-82), telah membuat kesimpulan seperti berikut:

Dari segi perancangan organisasinya ternyata ada kesungguhan dipihak atasan dalam merancang masa depan Askar Wataniah. Pegawai Sukarela telahpun mengetahui proses pembesaran formasi Askar Wataniah dari peringkat Rejimen, ke Briged dan juga Divisyen. Namun demikian, dari segi keanggotaan dan kepegawaiannya, belum sampai tahap yang dijangkakan.

Kemudahan Latihan dan bantuan perkhidmatan masih belum banyak berubah.

Keadaan Negara yang maju, tiada darurat, tiada konfrantasi dan aman mengakibatkan rakyat tidak mahu mendengar keselamatan Negara terancam kerana mereka sedang menikmati 'kebendaan'. Ketua-ketua Jabatan juga tidak ramai yang sudi untuk turut serta menggalakan staf berkecimpung dalam Askar Wataniah. Suasana anomi bukan sahaja mengancam keterlibatan generasi muda dalam Askar Wataniah, malah turut menghakis idealisme kesukarelaan berbakti kepada bangsa melalui organisasi sukarela dan kebajikan yang lainnya. Oleh itu berdepan persoalan mencari resolusi yang serasi dengan kebangkitan zaman 'materialisme' ini.

Pada keseluruhannya di dapati pengurusan Askar Wataniah pada masa ini masih memerlukan usaha untuk perbaiki dalam aspek Gerak, Tadbir dan Logistik bagi mempertingkatkan kedayaan dan kemampuan dalam merealisasikan Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) (Ahmad Fawzi , 1996).

Dalam satu kajian lagi (Kassim, 1989: mukasurat 10-11), telah membuat kesimpulan seperti berikut:

Angkatan Sukarela diberikan peranan dan tugas yang sama dengan Angkatan Tetap sesuai dengan konsep HANRUH atau yang disebut sebagai 'One Force Concept' oleh setengah-setengah negara. Bagaimanapun konsep ini memerlukan peranan aktif dari semua pihak, masyarakat umum dan kerajaan. Tanpa peranan aktif yang menyeluruh, pasukan simpanan tidak akan mencapai kejayaan sepenuhnya. Oleh yang demikian AW adalah komponen yang amat penting dalam Angkatan Pertahanan kita. Keupayaan

Tentera Darat untuk memikul peranan dan tanggungjawabnya dalam Pertahanan Negara bergantung banyak kepada keupayaan dan prestasi AW. Kegagalan AW mencapai matlamatnya akan menjejaskan keupayaan pertahanan kita keseluruhannya. Hakikat ini mesti disedari oleh setiap lapisan anggota tentera dan juga masyarakat umum kerana kita masing-masing mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk menentukan arah tuju AW.

Dewasa ini kita masih lagi menghadapi masalah dari segi fungsi AW iaitu mengambil (recruiting), melatih dan mengurus. Kelemahan-kelemahan ini didorong oleh beberapa faktor yang membawa kesan negatif atau kelembapan dalam usaha-usaha kita. Antaranya adalah:

Kelemahan pada diri anggota tetap yang ditukarkan ke AW.

Ketiadaan infrastruktur yang sesuai dan mencukupi.

Kekurangan peralatan dan senjata yang sesuai untuk latihan.

Ketiadaan peranan sokongan dari kerajaan dan masyarakat umum (Kassim, 1989).

Dalam satu kajian lagi (Ismail, 1999: mukasurat 17), telah membuat kesimpulan seperti berikut:

Kepentingan Jentera Pertahanan Negara sememangnya tidak boleh dipertikaikan lagi. Malah ia harus berkembang selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara. Sesungguhnya kita sebagai rakyat harus sedar bahawa

adalah perlu untuk mengembeling segala sumber tenaga yang ada melalui peranan dwifungsi iaitu membangunkan ekonomi negara disamping mempertahankan negara. Peranan mempertahankan negara tidak terletak kepada pasukan tentera semata-mata, rakyat dari segenap lapisan patut turut membantu memperkukuhkan pertahanan melalui konsep HANRUH. Fungsi ini boleh direalisasikan melalui penglibatan dan penyertaan dalam Askar Wataniah.

Walau bagaimanapun, kita terpaksa berdepan dengan masalah kurangnya penyertaan masyarakat dalam Askar Wataniah, jadi ini telah menghalang pertambahan anggota seperti yang diharapkan. Antara punca berlakunya hakisan penyertaan dalam Askar Wataniah yang telah dikenalpasti adalah materialistik, kebebasan hidup, kekurangan peranan badan penyokong AW, kekurangan insentif, kurang semangat nasionalisme dan kekurangan aktiviti yang bercorak 'sport and outdoor life'.

Oleh itu, kesedaran masyarakat tentang betapa pentingnya melibatkan diri dalam Askar Wataniah amatlah perlu, begitu juga pihak yang bertanggungjawab haruslah prihatin pada kehendak masyarakat. Jika kedua-dua belah pihak dapat bertolak ansur antara satu sama lain sudah tentu masalah kekurangan penyertaan masyarakat dalam Askar Wataniah dapat diatasi. Komitmen semua pihak amat diperlukan dalam membangunkan kesedaran masyarakat mengenai pertahanan negara (Ismail, 1999).



Daripada kajian yang lepas, dapat dirumuskan kajian seterusnya perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti samada kekuatan yang sedia ada mencukupi untuk mencapai sasaran nisbah 1:3 bagi menambah besar ('Augment') Angkatan Tetap. Selain daripada itu, kajian juga akan cuba memperkembangkan lain-lain permasalahan kepada Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambah Besar ('Augment') Angkatan Tetap.

### 2.13 Cadangan Konsep Rangkakerja

Memperolehi data-data sekunder daripada Bahagian Pasukan Simpanan dan soal selidik daripada responden iaitu daripada tiga buah unit Askar Wataniah yang berpangkalan di Negeri Perak iaitu Batalion 303 Infantri Askar Wataniah, Batalion 304 Infantri Askar Wataniah dan Rejimen 503 Askar Wataniah. Seramai 150 responden telah diambil untuk dibuat soalselidik kajian ini. -

### 2.14 Usul Kajian

Usul kajian ini adalah khusus berkaitan dengan kekuatan Askar Wataniah berkemampuan untuk menambah besar ('Augment') Angkatan Tetap.

### 2.15 Ringkasan Bab

Dasar Pertahanan Negara telah menetapkan sasaran agar Askar Wataniah sekurang-kurang mempunyai nisbah 1 : 3 (bagi setiap seorang anggota Angkatan Tetap bersamaan dengan 3 anggota Askar Wataniah). Walau bagaimanapun kekuatan Askar Wataniah menjadi persoalan adakah ianya mencapai sasaran yang dikehendaki untuk menambah besar ('Augment') Angkatan Tetap.

Justeru itu fenomena yang diterangkan diatas memberi persoalan di atas kemampuan Askar Wataniah untuk menambah besar Angkatan Tetap apabila keadaan memerlukan. Di dalam bab ini menerangkan keseluruhan kekuatan yang sedia ada termasuk yang aktif dan tidak aktif, selain daripada itu ianya juga membentangkan dasar dan peranan Askar Wataniah dalam pembentukan suatu organisasi yang mantap dan berkesan.

Kajian ini bertujuan untuk melihat Kemampuan Askar Wataniah menambah besar ('Augment') Angkatan Tetap dengan memberi tumpuan dari aspek kekuatan keanggotaan.